



**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN KUNCI BILIK KELAB/PERSATUAN  
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR (PHEP)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

DILULUSKAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF  
KEPIMPINAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI  
BIL. 1/2020 PADA 30 JANUARI 2020

BIL.	PERKARA	PERATURAN
1	<b>Kelayakan</b>	Penggunaan bilik kelab/persatuan hanya terhad kepada kelab/persatuan yang berdaftar di Universiti.
2	<b>Penyimpanan</b>	Setiap anak kunci bilik kelab/persatuan perlu disimpan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Anak kunci pendua tidak dibenarkan sama sekali.
3	<b>Tatacara Pengambilan/ Pemulangan Kunci</b>	Anak kunci hendaklah diambil/dikembalikan dari/ke PHEP dalam waktu pejabat. Sekiranya dipulangkan selepas waktu pejabat, anak kunci hendaklah diserahkan sementara ke Pos Pengawal dan dipulangkan semula oleh pelajar ke PHEP. Pengambilan anak kunci hanya boleh dibuat oleh ahli jawatankuasa kelab/persatuan.
4	<b>Aset/ Inventori</b>	Tidak mengalihkan perabot yang disediakan oleh Universiti dari tempat asalnya.
5	<b>Syarat-Syarat dan Peraturan</b>	Mengamalkan langkah-langkah penjimatan elektrik iaitu dengan memastikan semua punca kuasa elektrik dimatikan sebelum meninggalkan bilik. Melaporkan sebarang kerosakan perabot dan peralatan elektrik kepada PHEP dengan kadar segera. Tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan elektrik tanpa kebenaran PHEP kecuali peralatan ICT. Tidak melakukan sebarang ubahsuai pada bilik kelab/persatuan tanpa kebenaran PHEP. Tidak dibenarkan memasang langsir, <i>tinted</i> atau menutup ruang yang berkaca/ <i>transparent</i> . Menjaga kebersihan dalam bilik kelab/persatuan dan kawasan sekitarnya. Tidak menggunakan bilik kelab/persatuan untuk kepentingan peribadi. Tidak dibenarkan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan atau berkelakuan yang boleh menimbulkan syak dalam bilik kelab/persatuan. Tempoh penggunaan bilik kelab/persatuan adalah sehingga jam 12.00 malam. Tidak menyimpan barang-barang berharga di dalam bilik kelab/persatuan. Sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan, PHEP tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barangan tersebut. Tidak menjalankan aktiviti yang melanggar peraturan Universiti yang berkuatkuasa. Menyerahkan semula bilik kelab/persatuan kepada PHEP setelah tempoh penempatan kelab/persatuan tamat. Jika berlaku kehilangan anak kunci, pelajar boleh dikenakan tindakan yang bersesuaian termasuklah tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009.
6	<b>Tanggungjawab Pelajar</b>	Semua pelajar adalah bertanggungjawab dalam memastikan peraturan ini dipatuhi dan difahami secara bersama. Kegagalan pelajar mematuhi peraturan/garis panduan boleh menyebabkan pihak Universiti mengenakan tindakan tatatertib berdasarkan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.